



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
JUMAAT 22 MAC 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SEEKING ANSWERS TO LIVELIHOOD ISSUES, THE STAR – ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
2.	BATAL PERMIT PASAR TANI JIKA PEMILIK TIADA DI GERAI, ISU, BH -18	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
3.	EMPANGAN BUKIT KWONG DI BAWAH PARAS NORMAL, SETEMPAT, HM -15	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
4.	SEKALUNG TAHNIAH, ANUGERAH TANI BERNAS 2019, UM -28	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
5.	KATEGORI PESAWAH, UM -29	
6.	PESAWAH WANITA BUKTI KEMAMPUAN, WANITA & KELUARGA, BH -64	
7.	HASIL TANI, NEGARA, KOSMO -4	LAIN – LAIN
8.	FELDA CHINI RESIDENTS PRAY FOR END TO DRY SPELL, NATION, NEWS -5	
9.	WARGA EMAS DITUDUH LAGI TERIMA SUAPAN, UM -ONLINE	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Seeking answers to livelihood issues



FARMERS and fishermen of Penang pounced on the chance to have a townhall session with Agriculture and Agro-based Industries Minister Datuk Salahuddin Ayub.

When it was their turn to speak, they lined up and hogged the microphone, even when officials tried to reclaim it after a while.

In the end, Salahuddin, his deputy Sim Tze Tzin and their team of top directors from Putrajaya spent nearly two hours listening to their grouses.

The corporate communication team of the ministry were left dumbstruck by the insistence of the farmers and fishermen to have their say.

"We never expected this many questions in Penang," said a communication officer at the recent event organised by the state Fisheries Department at Fisheries Research Institute Malaysia in Batu Maung, Penang.

But Salahuddin and his team took it all patiently, listening to almost 20 people and accepting at least six memorandums from various fishermen and farmers associations.

"There are many burning issues in Penang that affect agriculture. I don't blame them and I feel satisfied to have come here," Salahuddin told reporters later.

Among the fishermen, the most frequently mouthed complaint was their fear of reclamation plans off the southern coast of Penang island.

They told the minister and his team that the proposed reclamation of three islands there was on top of the traditional fishing grounds of inshore fishermen and they were worried for their future.

Penang Agriculture and Agro-based Industries Committee chairman Dr Afif Bahardin answered on behalf of the minister, assuring the fishermen that the reclamation plan is still in the early stages.

"We are still studying the environmental impact assessment

and many agencies must provide feedback and technical input to what the consultant pointed out.

"We are still waiting for approval and then we have to propose it to the National Physical Planning Council.

"The Fisheries Department is studying the fisheries impact assessment and will address the mitigation measures.

"After we have completed the studies, we will then have detailed discussions with the fishermen in the area to address their future," he said, assuring them that there would be enough time to address all the matters affecting them.

Salahuddin was particularly concerned with the fishermen's reports of large trawlers encroaching fishing grounds zoned for them.

He conceded that the ministry was constrained by budget cuts and could not efficiently carry out enforcement rounds.

The ministry, he added, relied on Malaysian Maritime Enforcement Agency under the Prime Minister's Department.

"I will speak personally with (Prime Minister) Tun (Dr Mahathir Mohamad) about this and we also want to enhance the integrity of the enforcers," he told reporters.

Livestock farmers in Penang, with a deadline to convert their farms to a closed house system to control pollution, found themselves in a deadlock with local authorities because their farmland would be converted to commercial or industrial use.

Sim explained to them the technicality where land matters were under state jurisdiction and the ministry could only advise state governments to be considerate to farmers.

"We have told all state governments that farmlands should be zoned as agriculture even when they are converted to closed house systems because the farmers are still at the mercy of the weather, livestock diseases and many other factors.

"It is not like a factory even though a closed house system looks like one.

"So, farmland must never be zoned as commercial or industrial land or the farmers will be subjected to higher utility bills and taxes," Sim told the crowd of almost 100 farmers.

The farmers and fishermen also had the chance to meet service providers who set up booths there.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	BERITA HARIAN	ISU	18

Batal permit pasar tani jika pemilik tiada di gerai

Kuala Lumpur: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) akan menguatkuasakan peraturan mewajibkan semua pemilik permit pasar tani berada di gerai setiap kali operasi perniagaan berjalan.

Pengerusinya, Ishak Ismail, berkata langkah itu dilaksana bagi memastikan permit pasar tani tidak disalah guna atau 'dijual' kepada pihak ketiga, termasuk warga asing.

Beliau menegaskan, kegagalan pemilik permit pasar tani hadir setiap kali perniagaan beroperasi tanpa sebab atau alasan kukuh akan berdepan tindakan termasuk permit digantung, tidak boleh diperbaharui atau dibatalkan.

"Pemegang permit yang tidak dapat hadir atas sebab tertentu hendaklah memaklumkan lebih awal kepada urusetia pasar tani secara lisan atau bertulis untuk direkodkan.

"Hanya alasan munasabah seperti sakit, ziarah kematian, urusan peribadi atau hal keluarga yang tidak dapat dielakkan, mengerjakan umrah atau haji dan lain-lain alasan kukuh yang boleh dipertimbangkan, boleh diberi pengecualian," katanya.

Kemuka dokumen sokongan

Beliau berkata, pemegang permit juga pada bila-bila masa perlu mengemukakan dokumen sokongan yang berkaitan apabila diminta berbuat demikian bagi alasan yang meragukan.

Beberapa negeri, katanya, sudah mengambil tindakan sedemikian contohnya di Pasar Tani Borong Selayang dan Putrajaya.

Beliau berkata, perbuatan menyewakan permit kepada pihak ketiga termasuk warga asing bertentangan dengan peraturan terkandung dalam Buku Peraturan Perniagaan Di Pasar Tani, Kesalahan Bil.1 - menyewa, memajak, menyerah atau menjualkan lot perniagaan kepada pihak lain.

"Kesalahan menyewa, memajak, menyerah atau menjualkan lot perniagaan kepada pihak lain disenarai dalam notis naziran Pasar Tani dengan mata merit tertinggi 100 mata.

"Kesalahan menggaji warga asing atau PATI (pendatang asing tanpa izin) sebagai pembantu jualan juga disenarai dalam notis peraturan naziran dengan mata merit 40 mata. Sehingga peringkat pembantu pun FAMA tidak membenarkan apatah lagi dalam kalangan pemegang permit," katanya.



Langkah itu dilaksana bagi memastikan permit pasar

tani tidak disalah guna atau 'dijual' kepada pihak ketiga, termasuk warga asing"

Ishak Ismail,
Pengerusi FAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	HARIAN METRO	SETEMPAT	15

Empangan Bukit Kwong di bawah paras normal

Kota Bharu: Musim kemarau yang melanda menyebabkan paras empangan Bukit Kwong di Rantau Panjang semakin surut dan dijangka hanya mampu bertahan hingga April ini.

Mengikut portal Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), paras air empangan berkenaan setakat semalam merekodkan 14.35 meter (m) berbanding paras normal 16.76m dan bekalan air berkenaan masih boleh digunakan sebanyak dua meter.

Pengarah JPS Kelantan, Kamal Mustapha berkata, paras air empangan itu masih terkawal dan mampu menyalurkan bekalan air kepada 400



hektar tanaman padi di sekitar Rantau Panjang dan Pasir Mas.

Katanya, sekiranya air di empangan itu menyusut sehingga 12m, pihaknya boleh mengisytiharkan empangan berkenaan berada dalam keadaan kritikal dan di zon merah.

"Bagi memastikan paras air terkawal, kami mengambil langkah

penjimatan supaya bekalan air digunakan dengan cermat dan tidak mengganggu proses tanaman padi.

"Pada masa sama, kami mengadakan perbincangan dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) dan pesawah untuk mengambil langkah penjimatan yang dipersetujui semua," katanya di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	ANUGERAH TANI BERNAS 2019	28

ANUGERAH TANI BERNAS 2019
TEGUH BERSAMA

Sekalung Tahniah

Kepada Semua
Penerima Anugerah Tani BERNAS 2019

Anugerah Tani BERNAS 2019 merupakan satu platform yang ideal bagi menghargai sokongan tani-tani, khususnya pesawah, pengilang bumiputera dan pemborong bumiputera yang tidak pernah jemu bekerja keras untuk saing mela ngkapi ranti, nasi bekalan beras tempatan negara.

dan
Ucapan Ribuan Terima Kasih & Penghargaan
kepada
Yang Berhormat Dato' Salahuddin bin Ayub
Menteri Pertanian dan Industri Asas-Tani
di atas kesudian menyampaikan anugerah kepada para pemenang.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	KATEGORI PESAWAH	29



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	BERITA HARIAN	WANITA & KELUARGA	64

→ WANITA & KELUARGA

Pesawah wanita bukti kemampuan



Salahuddin (belakang tengah) dan Megat Joha (belakang tiga dari kiri) bergambar bersama penerima anugerah pada Anugerah Tani BERNAS 2019 di Seri Kembangan, hari-hari ini.

● Usaha Norshamsina berbaloi apabila dinobatkan penerima Anugerah Srikandi 2019

Oleh Hafina Pooah Nor dan Mubani Izzak
bhnews@bhn.com.my
■ Seri Kembangan

Semangat serta azam yang kuat untuk bergelar pesawah tiga tahun lalu membuahkan hasil, apabila usaha yang dilakukan membawa pulang lumayan.

Norshamsina Shamsul, 35, memulakan usaha itu dengan memupang petak sawah yang diusahakan suaminya di Sungai Manik Perak.

Beliau berkata, niat asalnya untuk menampung perbelanjaan keluarga itu memberi makna kepadanya kerana bukan sahaja bergelar pesawah berjaya, keringat dicurahkan berbalas apabila dinobatkan penerima Anugerah Srikandi pada Anugerah Tani BERNAS 2019, baru-baru ini.

Ibu kepada seposang cahaya mata berusia 10 dan 12 tahun ini berkata, perasaan ingin mencuba muncul selepas melihat kesungguhan suami mengusahakan tanaman padi.

Katanya, keputusan berawak hanya tindakan spontan kerana sejak mendirikan rumah tangga beliau kagum dengan kesungguhan suami bertani, selain berbekalkan pengalaman hidup dibesarkan dalam keluarga pesawah.

Suami sebagai pesaing

"Menyakinkan kesungguhan itu, saya terpenggal bergelar pesawah wanita, yang secara tidak langsung menjadikan suami sebagai rakan pesaing."

"Sudah empat tahun atau tujuh musim saya mengusahakan sawah dan gembira melihat hasil titik peluh yang dicurahkan membuahkan hasil, seterusnya dijual kepada pembekal," katanya yang membawa pulang wang tunai RM45,000, motosikal Kias M10, trofi dan sijil penghargaan.

Selain Norshamsina, Anugerah Pesawah Cemerlang dan Anugerah Pesawah Belia masing-masing dinobatkan kepada Norzan Abdulah, 39 dan Muhammad Fadlan Suhaimi, 29 yang disampaikan Menteri Pertanian dan Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub.

Norzan menerima wang tunai RM10,000, manakala Muhammad Fadlan menerima RM5,000 selain

hadiah Motosikal Kias M10, trofi dan sijil penghargaan.

Norshamsina berkata, sehingga kini beliau mengusahakan 15 hektar sawah padi yang disewakan daripada pemilik sawah, dengan setiap 0.4 hektar dipajak pemiliknya RM500 bagi semuanya.

Berkongsi pengalamannya itu, beliau berkata, risiko bersawah antaranya serangan ulat pada awal pokok berdaik membesar, pengendalian benih berkualiti penting bagi mengelakkan keadaan itu.

Selain itu katanya, petani perlu bertepatan dengan memaja pokok mengikut jadual.

"Alhamdulillah, sistem pengaliran di Perak baik dan tidak terjejas pada musim kemarau ini. Lazimnya setiap musim penanaman padi mengambil masa tiga bulan dan peralihan musim sekitar satu bulan, sebelum musim baharu bermula," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Paduan Nasional Berhad (BERNAS), Megat Joha Abdul Rahman, berkata produktiviti padi tahun lalu lebih baik berbanding tahun sebelumnya, dengan aliran pasaran padi tempatan begitu kompetitif.

Rekod belian BERNAS

BERNAS dan Kilang Bumiputera di bawah Skim Pusat Belian BERNAS mencatatkan rekod belian berjumlah 500,000 tan.

"Berdasarkan aliran jumlah pembelian tinggi sehingga hampir 1 juta tan, namun ada kalanya rendah, sekitar 500,000 tan."

"Ini bergantung kepada persaingan pasaran tempatan, bagaimana BERNAS tetap membeli semua padi yang dibawa ke kilang ini jaminan kita," katanya dalam ucapan pada majlis anugerah berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Megat Joha berkata, ketika dunia menghadapi krisis makanan kini, hasil pengeluaran padi tempatan membantu merangainya.

Hasil titik peluh pesawah ini katanya, menstabilkan keperluan bekalan beras negara. Justeru, dalam situasi begini, ternyata yang boleh diharap adalah hasil bumi sendiri.

"Begitu besar nilainya hasil padi negara kepada kehidupan kita. Jangan sesekali mengganggunya sebagai beban. Usah melihat industri sebagai merugikan negara, harga keringat pesawah," katanya.



Sudah empat tahun saya mengusahakan sawah dan gembira melihat titik peluh yang dicurahkan membuahkan hasil"

Norshamsina Shamsul,
Penerima Anugerah Srikandi, Anugerah Tani BERNAS 2019

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	KOSMO	NEGARA	4



HASIL TANI

PENGARAH Jabatan Pertanian Sabah, Datuk Idrus Shafie (kiri) menunjukkan jagung varieti GWG888 yang diusahakan empat peserta Projek Penanaman Jagung Bijian di Batu 7, Kampung Biah Jalan Sook, Keningau, Sabah semalam.



Felda Chini residents performing a 'solat sunat istisqa' for rain at the Felda Chini 4 field in Pekan
 BY FARIZUL HAFIZ AWANG

Felda Chini residents pray for end to dry spell

PEKAM: More than 700 people in Felda Chini performed a *solat sunat istisqa* at the Felda Chini 4 field yesterday to pray for rain to end the hot and dry weather affecting the state since early this year.

The prayers, which began at 8.15am, were led by the Agricultural Entrepreneurship Development Board (LKKP) mosque grand imam, Abdul Harris Abdul Karim.

Harris said the residents had agreed to pray for rain following the prolonged drought that had affected their livelihoods.

He said the water level of Sungai Pahang had also declined due to the dry spell, affecting water supply in their area.

"The *solat sunat istisqa* is held when there is a prolonged drought. We are grateful that many residents were able to join us today (yesterday).

"This marks the residents' efforts to seek Allah's blessing so that the drought will end, and that the rains will return."

Harris said the programme managed to draw a large number of attendees although it was planned only four days ago.

A Felda Chini 2 resident, Hashim Awang Nong, 69, said the drought this year was worse than in 2015.

"We organised the same prayers during a drought four years ago. But back then, there was no water supply shortage like this year. In 2015, only residents living in higher areas had no water, but rationing was also carried out.

"This time, even those living in low areas have not had any water supply for almost a month. We have to undergo water rationing almost every night," he said.

Hadali Hashim, 65, of Felda Chini 3 said the prayers were a good initiative.

This marks the residents' efforts to seek Allah's blessing so that the drought will end, and that the rains will return.

ABDUL HARISS ABDUL KARIM
 LKKP mosque grand imam

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22/3/2019	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Warga emas dituduh lagi terima suapan

KUALA LUMPUR 21 Mac - Seorang lelaki yang telah dituduh menerima suapan berhubung kuota beras Isnin lalu sekali lagi dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas dakwaan sama melibatkan suapan berjumlah RM210,000, empat tahun lalu.

Tertuduh Ab. Ralim @ Mat Dehan Mat, 74, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas ketiga-tiga pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Azura Alwi.

Mengikut pertuduhan, warga emas itu didakwa menerima suapan berjumlah RM210,000 melalui akaun Maybank atas nama Kota Saksi Holdings Sdn. Bhd. dan Beras Idaman Semenanjung (M) Sdn. Bhd. daripada Pengarah Syarikat Thai Hong Chan (K.L) Sdn. Bhd., Ter Thian Tin, 43.

Suapan itu didakwa sebagai upah membantu syarikat itu mendapatkan kuota beras ST15 sebanyak 600 tan metrik/bulan Jun Julai dan Ogos daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani Malaysia itu didakwa dilakukan di Public Bank Berhad, Jalan Pasar Pudu antara 12 Jun hingga 18 Ogos 2015.

Kesemua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 24(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 20 tahun dan tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai suapan atau RM10,000 mengikut mana-mana yang lebih tinggi.

Terdahulu, Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Michael Joimin mencadangkan ikat jamin RM50,000 bagi kesemua pertuduhan dan peguam bela tertuduh, Melissa Shukri tidak mengemukakan sebarang bantahan.

Azura kemudian membenarkan tertuduh diikat jamin RM50,000 dan menetapkan 17 April ini untuk sebutan kes yang mana kes itu akan disebut di Mahkamah Sesyen Shah Alam untuk dibicarakan bersama dengan kes sebelum ini.

Isnin lalu, Ab. Ralim mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Shah Alam atas pertuduhan menerima wang berjumlah RM60,000 daripada syarikat sama untuk mendapat kuota beras.